

# Guru inovatif lonjak transformasi pendidikan negara

UB 16/05/2012 B4



MINDA PENDIDIK

ABDUL SAID AMBOTANG

Bersama  
Mohd Yusof Abdullah, Baharom  
Mohamad, Shukri Zain, Muhamad  
Suhaimi Taat dan Roslee Talip

HARI ini bersamaan 16 Mei 2012 adalah Hari Guru. Pelbagai aktiviti dan pengisian diadakan di seluruh dunia untuk meraikan insan-insan bergelar guru yang sememangnya terlalu banyak berkorban dan bertungku lumus mewarnai dunia pendidikan masa kini.

Sesungguhnya guru adalah arkitek modal insan masa hadapan yang kaya dengan ciri inovatif agen kepada lonjakan transformasi pendidikan semasa selaras dengan tema hari guru tahun ini ‘Guru Inovatif Melonjakkan Transformasi Pendidikan Negara’.

Pendidikan merupakan wadah utama dalam menentukan kemajuan dan kemakmuran negara, sekali gus menjadi peneraju dalam membangunkan generasi pelajar yang berpengetahuan, berkemahiran dan berkeperibadian mulia. Sehubungan itu, pelbagai dasar dan pembaharuan pendidikan dilaksanakan kerajaan bertujuan memantapkan proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah.

Isu kualiti pendidikan tengah hangat diperkatakan mutakhir ini, khususnya dalam dialog pendidikan yang dikemukakan pihak kerajaan baru-baru ini yang secara terbuka mengundang pandangan, idea-idea yang bernes, cadangan yang kreatif dan inovatif demi memantapkan dan melestarikan serta mentransformasikan sistem pendidikan di negara kita. Sejarah dengan itu tidak dapat dinafikan bahawa tanggungjawab guru untuk melakukan transformasi atau perubahan dalam pendidikan negara sangat besar.

Mereka mesti memahami agenda transformasi yang dilaksanakan. Justeru, jati diri guru mestilah tinggi supaya mampu mengikuti rentak yang dicanang pihak kerajaan dalam bidang pendidikan. Guru perlu mempunyai rasa pertanggungjawaban dan akauntabiliti terhadap keberhasilan operasi institusi diwakili masing-masing.

Secara umumnya penulis berkeyakinan penuh bahawa guru sekarang memiliki kemampuan dalam semua aspek perguruan sejarah dengan kehendak negara kerana daripada peringkat pemilihan calon guru, latihan, fasa induksi, pembangunan profesionalisme berterusan sehingga ke peringkat penilaian serta pengurusan prestasi guru itu sendiri, dipastikan sentiasa berada pada tahap tinggi dan membanggakan.

Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM) adalah rujukan dan panduan untuk memperkasa dan melestarikan guru berkualiti. SGM menggariskan kompetensi profesional perguruan atau piawaian yang patut dicapai guru dan keperluan yang patut disediakan agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu mereka mencapai tahap kompetensi ditetapkan. Hasil satu soal selidik SGM yang dijalankan pada tahun 2010 menunjukkan tahap kompetensi profesional guru secara umumnya adalah cemerlang.

Secara ringkasnya, ada tiga peranan utama seorang guru. Pertama, guru hendaklah menyampaikan ilmu pengetahuan kepada anak murid. Kedua, mengajar kemahiran dan ketiga, menerapkan nilai serta akhlak mulia dalam diri pelajar. Lantaran itu, guru yang hebat semestinya perlu mempunyai kemahiran mengurus dalam segala aspek dunia serta ukhrawi secara sempurna mengikut sistem pengurusan yang disarankan ajaran Islam.

Ingin saya kongsikan konsep tawhidik iaitu keyakinan yang sebenar kepada Allah SWT dan mengikut contoh Rasulullah SAW. Konsep rabbaniyyah dan uluhiiyyah merujuk kepada iman seseorang Muslim dan melaksanakan tugas dengan penuh rasa tanggungjawab sebagai ibadah serta bertakwa kepada Allah SWT. Islam juga membawa nilai itqaan (kesempurnaan) yang menuntut kita bersifat amanah dan mempunyai akauntabiliti dan integriti yang tinggi. Nilai itqaan ini sepatutnya menjadi budaya kerja bermutu tinggi bagi mencapai matlamat atau pelan transformasi pendidikan yang diharapkan.

Tugas guru dipandang tinggi dan diiktiraf bukan saja sebagai penyampai ilmu, jurutera sosial, penyubur perpaduan, pencorak minda, pembangun sahsiah malah sebagai ejen perubahan. Dalam menjana inovasi transformasi pendidikan masa kini, tugas guru bukan hanya sekadar menyampaikan ilmu pengetahuan, tetapi juga berperanan membentuk bangsa supaya menjadi insan yang berakidah, dinamik dan berkualiti di dunia dan akhirat.

Sesuai dengan ini Rasulullah SAW pernah bersabda yang maksudnya: “Sesungguhnya perumpamaan orang berilmu pengetahuan di muka bumi ini seperti bintang di langit yang menjadi petunjuk dan menerangi dalam kegelapan sama ada di daratan maupun lautan, apabila ia terbenam atau hilang dikhawatir akan hilang arah tujuan.”

Diriwayatkan Imam Malik pernah menolak tawaran untuk mengajar di istana bahkan dengan tegas beliau mengatakan, ilmu itu didatangi bukan mendatangi.

Sikap merendah diri dan rasa hormat seorang imam dan ulama terbilang juga ada pada Imam Syafie. Beliau pernah berkata: “Malik bin Anas adalah guru. Seandainya tidak ada Imam Malik dan Ibnu Umayyah, hilanglah seluruh ilmu ulama negeri Hijaz ini.”

Pada abad ke-21 ini, antara cabaran terbesar dihadapi guru ialah perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Tidak dinafikan perkembangan semasa memberi kesan kepada proses pembinaan sahsiah, terutama pelajar. Kebanyakan pelajar sudah mahir komputer bahkan pemahaman dan keupayaan mereka kadangkala melebihi guru. Disebabkan itulah guru perlu sentiasa meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, selain memahami tanggungjawab serta berikan komitmen dengan melaksana pelbagai inovasi ke arah meningkatkan kualiti pendidikan.

Di negara kita, pada hari ini terdapat lebih kurang 430,000 guru untuk mendidik 5.4 juta pelajar. Betapa besarnya tanggungjawab yang digalas pihak guru untuk membimbing dan mendidik bilangan anak dan pelajar yang begitu ramai. Diketahui ramai golongan pelajar sering melakukan kejutan kepada masyarakat dengan masalah sosial mereka. Ada segelintir daripada pelajar yang begitu malas belajar, suka tidur dalam kelas, ponteng atau terbabit kegiatan samseng, membuli, merempit, berzina, buang bayi, merokok, menyalah gunakan dada, mencuri dan pelbagai gejala lain.

Antara Januari dan Jun tahun lalu sahaja, dianggarkan kira-kira 11,880 pelajar direkodkan terbabit dengan kegiatan jenayah. Kira-kira 40,000 pelajar terbabit dengan vandalisme, menonton dan menyimpan bahan lucah dan bertindak kasar manakala 24,000 lagi didapati ponteng dan lewat datang ke sekolah. Agenda-agenda hangat sedemikian ini sering mewarnai dada-dada akbar utama negara kita kebelakangan ini.

Isu disiplin pelajar memang satu perkara yang serius. Namun, ia bukan tugas pendidik semata-mata. Ibu bapa juga perlu bertindak pantas mengenal pasti masalah atau keadaan tertentu yang dihadapi anak mereka serta lebih prihatin dan mengambil tahu hal anak mereka secara lebih mendalam dan terkawal. Memang tidak dapat dinafikan sesungguhnya, para guru berada di saf hadapan untuk membangun bangsa cemerlang yang akan menentukan sebuah negara maju, aman dan dihormati. Daripada perspektif Islam pun, profesion perguruan adalah suatu pekerjaan yang mulia di sisi Allah SWT dan banyak hadis Rasulullah SAW yang menyarankan manusia menjadi pendidik atau penuntut ilmu yang menabur bakti mengajar orang lain.

\* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah dan dapat dihubungi melalui solat5@yahoo.com